

SULIT

3757/2

3757/2
 Ekonomi
 Asas
 Kertas 2
 September
 2011
 2 jam



JABATAN PELAJARAN NEGERI PERAK

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
 SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
 NEGERI PERAK TAHUN 2011

EKONOMI ASAS

Kertas 2

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab **tiga** soalan daripada Bahagian A dan satu soalan di Bahagian B.*
3. *Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan.*
4. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraiian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
5. *Penggunaan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan adalah dibenarkan.*
6. *Anda boleh membuat kerja mengira di ruangan kosong pada kertas soalan.*

Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak.

BAHAGIAN A

[75 Markah]

Jawab **tiga** soalan sahaja


1. (a) Berikut adalah maklumat tentang Syarikat ZY Sdn. Bhd.

Syarikat ZY Sdn. Bhd. berhasrat mengeluarkan komponen enjin dan cip komputer. Walau bagaimanapun syarikat tersebut menghadapi masalah ekonomi.

Bagaimanakah Syarikat ZY Sdn. Bhd. menyelesaikan masalah ekonomi tersebut

[6 markah]

- (b) Gambar di bawah menunjukkan dua contoh barang dalam ekonomi.



Gambar 1



Gambar 2

Apakah perbezaan kedua-dua barang tersebut dari segi ekonomi?

[6 markah]

- (c)


Negara A	Negara B
Pengguna dan pengeluar menentukan semua jenis barangan	Unit Perancangan Ekonomi yang menentukan semua jenis barangan

- (i) Namakan sistem ekonomi yang diamalkan oleh Negara B. [1 markah]

- (ii) Terangkan masalah asas ekonomi yang belum diselesaikan oleh Negara A?

[6 markah]

(d) Rajah menunjukkan pasaran buruh




Terangkan keadaan pasaran buruh pada tingkat upah


- (i) RM 600
- (ii) RM 1000

[6 markah]

2. Rajah di bawah menunjukkan permintaan bagi Barang X



Rajah 1



Rajah 2

(a) Terangkan perbezaan di antara rajah 1 dan rajah 2?

[6 markah]

(b) Berikut adalah situasi di sebuah kompleks membeli belah



(i) Terangkan sumber pendapatan Encik Lim, Encik Raja dan Puan Ani.

[6 markah]

(ii) Berdasarkan situasi di atas, mengapakah Puan Ani mengingatkan dirinya supaya merancang perbelanjaan dengan baik dan berhemah ?


[5 markah]

Encik Shamsul bekerja sebagai operator pengeluaran di Kilang Top Sdn. Bhd. yang mengeluarkan kasut sukan berjenama Top 3. Beliau telah dibayar gaji RM 1800 sebulan. Untuk kemudahannya bersukan, beliau telah membeli kasut keluaran kilangnya dengan harga RM 250 sepasang selepas diskaun sebanyak 20%.

(c) Berdasarkan maklumat di atas, lukis rajah aliran pusingan pendapatan ekonomi dua sektor.

[8 markah]

Gambar berikut menunjukkan perbualan tentang tabungan dan pelaburan



3. (a) (i) Terangkan bentuk pelaburan selain daripada yang dimaksudkan oleh Azmi ? [3 markah]
- (ii) Bezakan bentuk pulangan antara Azmi dan Rashid ? [5 markah]

Buruh (orang)	Jumlah Keluaran (unit)	Keluaran Purata (unit)	Keluaran Sut (unit)
0	0	-	-
1	8	8	8
2	20	10	12
3	36	12	a
4	b	c	14
5	60	12	10
6	66	d	6
7	70	10	4
8	72	9	2
9	e	8	f
10	70	7	2

- (b) (i) Lengkapkan jadual di atas [6 markah]
- (ii) Terangkan hubungan antara keluaran purata dan keluaran sut apabila bilangan buruh ditambah daripada
- (a) 0 ke 4 orang
- (b) 4 ke 9 orang

[6 markah]

(c) Jadual di bawah menunjukkan penawaran barang X.

HARGA (RM)	KUANTITI DITAWAR (UNIT)
10	20
20	35
30	55
40	60
50	80

Dengan menggunakan kertas graf , lukis keluk penawaran bagi barang X .

(Gunakan skala 2cm : 10 unit pada paksi harga dan 2 cm : 20 unit pada paksi kuantiti)

[5 markah]

Jadual di bawah menunjukkan kadar pengangguran dan kadar inflasi yang dihadapi oleh Negara M dari tahun 2005 hingga 2009


Tahun	2005	2006	2007	2008	2009
Kadar pengangguran	3%	4.5%	6%	3%	2%
Kadar inflasi	4%	3%	2%	6%	4%

4. (a) (i) Apakah situasi ekonomi pada tahun 2008? Bagaimana keadaan tersebut boleh berlaku?

[2 markah]

(ii) Bagaimanakah Negara M mengatasi masalah di atas melalui bank pusat dan dasar belanjawan?

[10 markah]



(b) Terangkan kemudahan perkhidmatan penerimaan dan pembayaran yang disediakan oleh bank perdagangan selain daripada gambar di atas?

[8 markah]

(c) Terangkan tiga kelebihan pinjaman dalam negeri berbanding dengan pinjaman luar negara.

[5 markah]

5. (a) Bezakan antara perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan kerajaan. [6 markah]
- (b) Terangkan faktor-faktor yang mewujudkan Perdagangan Antarabangsa. [8 markah]
- (c) Jadual di bawah menunjukkan kadar pertukaran asing antara Ringgit Malaysia (RM) dengan Dollar Singapura (S\$).

Tahun 2009	S\$ 1 = RM 2.40
Tahun 2010	S\$ 1 = RM 2.60

- (i) Hitungkan nilai RM1.00 dalam sebutan Dollar Singapura (S\$) bagi tahun 2009 dan 2010 [5 markah]
- (ii) Terangkan kesan perubahan tersebut terhadap jumlah import dan eksport Malaysia pada tahun 2010 [6 markah]

BAHAGIAN B

[25 Markah]

Soalan ini wajib dijawab

Keluarga Encik Malik terdiri daripada tiga orang. Encik Malik iaitu bapa Shamsul seorang pengusaha kedai peralatan sukan yang berjaya. Ibunya, Puan Mariam pula ialah seorang pesara guru. Sejak kecil, Shamsul memang bercita-cita untuk memiliki kereta hasil usahanya sendiri untuk memudahkannya berulang alik ke tempat kerjanya di sebuah sekolah menengah di Bandar Melaka.

Setelah setahun bekerja, kini Shamsul yakin bahawa dia mempunyai kemampuan untuk merealisasikan impiannya itu. Setelah dua minggu membuat penyelidikan di beberapa buah syarikat menjual kereta, Shamsul hanya berminat untuk membeli kereta Proton Persona atau Toyota Vios. Atas beberapa faktor tertentu, Shamsul membuat keputusan untuk membeli kereta Proton Persona. Harga jualannya ialah RM 65 000.00. Oleh sebab kekurangan wang, Shamsul telah membuat pinjaman daripada ABC Bank Berhad. Setiap bulan Shamsul perlu menjelaskan ansuran bulannya sebanyak RM 680.00.

Berlainan dengan bapanya, Encik Malik pula selaku peniaga menggunakan lebih banyak perkhidmatan yang disediakan oleh ABC Bank Berhad. Bagi Encik Malik kewujudan ABC Bank Berhad lebih memudahkan lagi urusniaganya.

Jawab soalan-soalan berikut :

6. (a) Nyatakan jenis pendapatan yang diperolehi oleh ahli keluarga Encik Malik? [3 markah]
- (b) Apakah masalah ekonomi yang dihadapi oleh Encik Shamsul? [6 markah]
- Harga kereta RM 65 000.00**
Ansuran bulanan RM 680.00
- (c) Jelaskan fungsi wang di atas? [4 markah]
- (d) Berdasarkan aliran pusingan pendapatan ekonomi dua sektor apakah peranan yang dimainkan oleh:
- (i) Encik Malik
- (ii) Encik Shamsul [6 markah]
- (e) Bagaimanakah ABC Bank Berhad dapat membantu perniagaan Encik Malik? [6 markah]